MESTI BACA

Pembentukan Ion Positif dan Ion Negatif

1. Kebanyakan atom mempunyai susunan elektron yang **tidak stabil**.
2. Untuk membentuk susunan elektron yang **stabil**, atom akan membentuk ion melalui **pendermaan elektron** atau **menerima elektron** pada petala terluarnya bagi mencapai susunan elektron duplet atau oktet yang stabil.
3. **Ion positif** terbentuk apabila suatu atom logam **menderma** elektron.



4. **Ion negatif** terbentuk apabila suatu atom bukan logam **menerima** elektron.

5. **Susunan elektron duplet** ialah susunan elektron yang stabil yang mempunyai 2 elektron pada petala pertama.
6. **Susunan elektron oktet** ialah susunan elektron yang stabil yang mempunyai 8 elektron pada petala terluar.

PILIHAN JAWAPAN

Bagi soalan 1(a)(i), (ii), (b) dan (c)

menderma	tidak
terluar	8
P	stabil
stabil	

Bagi soalan 1(a)(iii)

Rujuk nota sisipan di atas

JAWAB

KERTAS 2, BAHAGIAN B

1. Rajah di bawah menunjukkan unsur-unsur P, Q, R dan S dalam Jadual Berkala Unsur Moden.



(a) (i) Unsur yang manakah membentuk ion positif?

_____

(ii) Terangkan jawapan anda di **1**(a)(i).

Ion positif terbentuk apabila suatu atom logam _____ elektron-elektron di petala terluar untuk mencapai susunan elektron yang _____.

(iii) Lukiskan pembentukan ion positif.

(b) Apakah yang dimaksudkan mencapai susunan elektron oktet?

Susunan elektron yang stabil yang mempunyai _____ elektron pada petala _____.

(c) Adakah unsur S boleh membentuk ion?

_____. Unsur S merupakan unsur yang sangat _____.

LIVEWORKSHEETS